

# **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2000/2001**

**September/Oktober 2000**

**BST 302/3 - Ekologi Pemuliharaan**

**Masa : [3 jam]**

Jawab **LIMA** daripada **ENAM** soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

**Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.**

1. Dengan menggunakan hutan hujan tropika sebagai contoh, huraikan tentang nilai langsung ('direct values') dan nilai tidak langsung ('indirect values') kepelbagaian biologi.

(20 markah)

2. Apakah ciri-ciri biologi dan ekologi sesuatu spesies yang menyebabkan spesies tersebut terdedah kepada bahaya kepupusan dan menjadi spesies terancam. Huraikan dan berikan contoh bersesuaian untuk setiap ciri tersebut.

(20 markah)

3. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan ancaman-ancaman ke atas kepelbagaian biologi yang diakibatkan oleh:-

- (a) Penyerpihan atau pecahan habitat
- (b) Kemasukan atau pindahan spesies eksotik
- (c) Eksploitasi berlebihan

(20 markah)

4. Apakah yang dimaksudkan dengan pemuliharaan *ex-situ*. Bincangkan dua contoh utama pemuliharaan *ex-situ* dan bincangkan kebaikan dan keburukan pendekatan pemuliharaan tersebut.

(20 markah)

5. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, tulis nota tentang semua tajuk berikut:-
- (a) Kepelbagaian biologi dan kategori-kategori kepelbagaian biologi.
  - (b) Spesies “keystone”
  - (c) CITES
- (20 markah)
6. Anda sebagai seorang saintis yang terlibat dalam merekabentuk taman perlindungan dan kawasan pemuliharaan semulajadi. Bincangkan faktor-faktor biologi dan fizikal yang mesti diambil kira dalam perancangan anda.
- (20 markah)

-oooOooo-